

DBKL kompaun kontraktor korek jalan gagal patuh SOP

PETALING JAYA – Lapan notis kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada kontraktor yang melakukan kerja-kerja pengorekan jalan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di sekitar ibu kota, baru-baru ini.

DBKL dalam kenyataan berkata, Operasi Bersepadu Korekan Jalan Awam itu dilakukan bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di sekitar kawasan Cheras, Bandar Tun Razak, Lembah Pantai, Segambut dan Bukit Bintang.

Menurutnya, pemantauan dan siasatan membabitkan enam syarikat kontraktor yang sedang menjalankan kerja pembaikan.

"Hasil semakan yang dijalankan, DBKL mengeluarkan

dan notis kompaun menerusi peruntukan undang-undang di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Ia melibatkan kesalahan seperti tidak meletakkan lampu blinker jalan, tiada pengawal lalu lintas jalan, membuat halangan jalan awam, melonggokkan sisa korekan jalan dan menyebabkan kekotoran jalan air berlumpur di tempat awam," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, CIDB turut mengeluarkan dua notis terhadap syarikat kontraktor yang tidak mematuhi notis pengemukaan maklumat untuk mendapat kelulusan bagi menjalankan kerja pembinaan di tapak.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan," katanya.



ANGGOTA DBKL ketika membuat pantauan mengenai Ops Korekan Jalan di sekitar kawasan Cheras, Bandar Tun Razak, Lembah Pantai, Segambut dan Bukit Bintang malam kelmarin.